

Sinar
VARSITY
Campus Now,
Nation Next!



Follow kami juga di FB & IG

Varsity
VIBES



Permainan papan CASHFLOW 101 diperkenalkan oleh penulis kewangan terkenal, Robert Kiyosaki.

Main game, belajar kewangan

pembelajaran interaktif bagi memahami realiti pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar.

Permainan tersebut memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan gaji bulanan, perbelanjaan tidak dijangka serta peluang pelaburan melalui simulasi yang menyerupai situasi dunia sebenar.

Program berkenaan dianjurkan secara

kolaboratif oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) serta Majlis Keusahawanan Universiti-universiti Malaysia dengan sokongan strategik daripada Now Asia.

Sepanjang program berlangsung, mahasiswa turut mengikuti sesi permainan CASHFLOW 101 yang dipimpin oleh Dr

Abuayubul Ansari Ibramsha dari Now Asia atau lebih dikenali sebagai Abang Abu Mekanik Wang.

Menurut beliau, pendekatan simulasi dalam permainan itu membantu meningkatkan pemahaman literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa dengan cara yang lebih praktikal dan berimpak tinggi.

Platform pendidikan kewangan mahasiswa

Pengarah CEM Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hizmawati Madzin berkata, penganjuran AUCC 2026 selaras dengan aspirasi UPM untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki kecerdasan kewangan dan daya tahan ekonomi global.

"ASEAN University Cashflow Challenge 2026 menjadi platform strategik dalam membudayakan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa.

"Menerusi pendekatan simulasi interaktif seperti CASHFLOW 101, pelajar memperoleh pemahaman praktikal mengenai pengurusan aliran tunai, penilaian risiko serta pembinaan aset melangkaui teori di bilik kuliah," katanya.

Beliau menambah, kerjasama rentas institusi di peringkat ASEAN juga membuka ruang jaringan antarabangsa dalam kalangan mahasiswa, sekali gus memperkukuh ekosistem keusahawanan serantau.



Permainan ini mengajar perbezaan antara aset dan liabiliti serta bagaimana membuat wang bekerja untuk kita, bukan kita yang bekerja untuk wang sepanjang hayat."

- Robert Kiyosaki

Sementara itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, inisiatif tersebut mencerminkan kesedaran bahawa literasi kewangan perlu difahami dalam konteks kehidupan sebenar.

Menurutnya, walaupun ramai pelajar menamatkan pengajian dengan kelayakan akademik yang baik, masih terdapat jurang pemahaman terhadap isu seperti inflasi, struktur hutang dan kelestarian kewangan jangka panjang.

"Program seperti ini bantu merapatkan jurang antara teori yang dipelajari di universiti dengan realiti pengurusan kewangan sebenar," katanya.

Bentuk minda pelabur dan usahawan

Dalam pada itu, Robert Kiyosaki melahirkan rasa teruja melihat penyertaan aktif mahasiswa ASEAN dalam permainan yang direka bagi membentuk minda pelabur dan usahawan.

"Saya sangat teruja melihat pelajar-pelajar ASEAN ambil bahagian dalam CASHFLOW 101. "Permainan ini mengajar perbezaan antara aset dan liabiliti serta bagaimana membuat wang bekerja untuk kita, bukan kita yang bekerja untuk wang sepanjang hayat," katanya.

Tambah beliau, pendidikan kewangan perlu diterapkan sejak di bangku universiti supaya generasi muda tidak hanya bergantung kepada gaji, sebaliknya mampu membina pendapatan pasif dan mencapai kebebasan kewangan.



Permainan papan CASHFLOW 101 menjadi tumpuan utama dalam ASEAN University Cashflow Challenge 2026.

Bagi peserta, pengalaman menyertai cabaran tersebut membuka perspektif baharu mengenai pengurusan kewangan.

Pelajar Universiti Sains Malaysia, Vishnu, 22, berkata, permainan itu membantunya memahami konsep dividen dan aliran tunai dengan lebih jelas.

"Ini kali pertama kami bermain permainan ini dan kami belajar cara menjual, memperoleh dividen serta memahami aliran tunai dengan lebih baik," katanya.

Chloe Wong Ch'ng Yini, 20, dari Universiti Malaya pula berkata, pengalaman itu memberi kesedaran tentang kepentingan mengawal kewangan sendiri.

"Kita yang harus kawal wang, bukan biarkan wang kawal kita," katanya.

Seorang lagi peserta, Muhammad Rafiq Fikri Rosnizam, 24, dari Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (JMPA) berkata, permainan tersebut membantu peserta menilai keputusan pelaburan secara lebih kritikal.

"Permainan ini melibatkan saham dan pelaburan dalam syarikat, sekali gus membantu kami menilai sama ada sesuatu keputusan kewangan itu berbaloi atau tidak," katanya.

Program itu dilihat sebagai antara pendekatan inovatif dalam memperkukuh budaya celik kewangan dalam kalangan mahasiswa di peringkat serantau.

Robert Kiyosaki (dua dari kiri) bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Sabrie Mohamad Salleh (dua dari kanan), Hizmawati (kanan) serta Abuayubul Ansari pada majlis pelancaran permainan papan CASHFLOW di UPM baru-baru ini.

